



## SIARAN MEDIA

### KPKT JALIN KERJASAMA STRATEGIK BERSAMA MAREA DALAM MELAKSANAKAN KAJIAN RINTIS PELAKSANAAN PELUASAN TANGGUNGJAWAB PENGETAHUAN DI PULAU LANGKAWI

---

**PUTRAJAYA, 16 OGOS 2022** - YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara KPKT dan Malaysian Recycling Alliance Berhad (MAREA) pada pagi ini. MoU ini ditandatangani oleh Tuan Kamaruzaman bin Umar, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Persekutaran Mampan) bagi pihak KPKT dan Puan Pauline Goh, Pengurus Besar mewakili pihak MAREA serta turut disaksikan oleh Encik Juan Aranols, Pengerusi MAREA.

Kerjasama strategik di antara MAREA dan KPKT selaku kementerian peneraju dalam agenda pembangunan mampan untuk melaksanakan Kajian Rintis Pelaksanaan Peluasan Tanggungjawab Pengeluar atau *Extended Producer Responsibility* (EPR) di Pulau Langkawi telah pun bermula April 2022. Ia bertujuan untuk melihat mekanisma pelaksanaan EPR yang terbaik dalam kawasan terkawal seperti di Pulau Langkawi. Dapatan kajian ini akan dapat membantu KPKT dalam membangunkan kerangka EPR yang mampan di Malaysia.

Pemeteraian MoU melalui jalinan kerjasama ini mensasarkan matlamat untuk mewujudkan kerjasama yang berkesan antara Kerajaan dengan pengeluar, pengilang dan pihak berkepentingan di sepanjang rantaian nilai (*value chain*) pengeluaran produk bagi melaksanakan inisiatif ke arah meningkatkan kutipan dan kadar kitar semula. Ini termasuk menyediakan satu sistem kutipan produk pasca pengguna yang sistematik dan optimum bagi memupuk penglibatan masyarakat secara aktif untuk menyokong inisiatif ekonomi kitaran.

Menurut YBhg. Datuk M Noor Azman bin Taib, "Kerajaan hari ini sedang berusaha untuk mencapai pembangunan mampan dengan mengimbangi pertumbuhan sosio ekonomi dan kelestarian alam sekitar selaras dengan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMK12). Sektor ekonomi Malaysia perlu beralih ke arah ekonomi kitaran yang menekankan penggunaan sumber yang cekap dan mekanisma yang berkesan bagi mengurangkan jumlah janaan sisa yang tinggi ke tapak pelupusan".

Sehubungan itu, KPKT sedang merancang untuk menggunakan instrumen baharu bagi menangani masalah ini dengan meletakkan tanggungjawab menguruskan produk pasca pengguna kepada pengeluar atau EPR. KPKT percaya bahawa pengeluar, peruncit, pengedar, pengguna dan pihak-pihak lain dalam rantai produk memainkan peranan yang amat penting dalam pelaksanaan EPR. Justeru, kajian di Pulau Langkawi ini adalah penting untuk melihat mekanisme terbaik bagi mewujudkan pelaksanaan EPR di Malaysia yang lebih berdaya maju dan mampan. Ini seterusnya akan membantu KPKT dalam mewujudkan polisi dan kerangka pelaksanaan EPR di Malaysia.

Tambah beliau lagi, "EPR juga merupakan salah satu elemen penting dalam memacu pelaksanaan ekonomi kitaran terutamanya bagi pengurusan sisa pepejal. Sistem EPR yang direka dengan baik akan meningkatkan rantai nilai kitar semula dan industri kitar semula domestik. Di samping itu, pelaksanaan EPR akan menjadi kaedah kepada kerajaan untuk menangani tekanan alam sekitar yang dihasilkan oleh produk pasca pengguna dan mengurangkan beban kerajaan untuk keperluan kewangan pengurusan sisa".

Dalam menjayakan kajian ini, KPKT dan MAREA turut bekerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan lain yang terlibat dalam aliran nilai pengurusan sisa pepejal dan kitar semula termasuk Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), syarikat konsesi perkhidmatan kutipan dan pembersihan E-Idaman, Majlis Perbandaran Langkawi Bandaraya Pelancongan, Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), *Collaborative Actions for Single-Use Plastic Prevention in South-East Asia* (CAP SEA), pengilang kitar semula dan penduduk tempatan.

Menurut Encik Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif Nestlé (Malaysia) Berhad, “MAREA sangat berbesar hati untuk melancarkan kajian rintis EPR di Langkawi bersama KPKT. Penglibatan MAREA dalam projek perintis ini pastinya akan membantu menambah baik pengurusan sisa pepejal di Langkawi dan ini secara tidak langsung akan meletakkan asas bagi rangka kerja EPR yang lebih berdaya maju dan mampan di Malaysia”.

MAREA diwujudkan dengan matlamat bagi mencari penyelesaian kepada masalah sisa pembungkusan pasca pengguna di Malaysia. Ia memberi tumpuan kepada usaha mengukuhkan rantai nilai dan menambah baik pengumpulan dan mengitar semula sisa pembungkusan pengguna. Penglibatan pihak industri amat diperlukan sepanjang pengurusan akhir sisa pembungkusan (*end-to-end management of packaging waste*). Kerjasama dengan semua pihak berkepentingan merentasi rantai nilai kitar semula juga dilihat dapat menggalakkan ekonomi kitaran secara menyeluruh dan seterusnya meningkatkan pendidikan serta kesedaran pengguna dalam aspek pengurusan sisa.

Sistem EPR yang berkesan haruslah dibangunkan di sesebuah negara (*country – specific*) dengan disokong oleh pengetahuan yang berasaskan bukti (*evidence – based knowledge*), insentif, komitmen serta penglibatan yang kukuh antara sektor swasta, kerajaan dan pengguna. Ini akan memberi nilai tambah dalam usaha menjayakan agenda Malaysia Berdaya Huni.

#KPKTPrihatin #PasukanKPKT

#BekerjaBersamaRakyat #KeluargaMalaysia

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat*

*b.p. Ketua Setiausaha*

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

*Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)*

